

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	6 AUGUST 2016

Parti baharu Mahathir, Muhyiddin bukan ancaman besar UMNO

UM - 6/8/2016

KUALA LUMPUR 5 Ogos - Parti baharu yang bakal didaftarkan Tun Dr. Mahathir Mohamad tidak mendatangkan ancaman besar buat UMNO, sebaliknya hanya mengundang masalah tambahan kepada pembangkang, memandangkan ketika ini pun pakatan terkial-kial dengan isu pertelagahan sesama sendiri.

Ahli Majlis Tertinggi UMNO, **Tan Sri Noh Omar** berkata, masalah terbabit akan menyebabkan hayat parti baharu berkenaan tidak lama meskipun diterajui sendiri Dr. Mahathir bersama Tan Sri Muhyiddin Yassin, selain turut didokong beberapa bekas pemimpin UMNO.

"Sewaktu ada tiga parti pun susah hendak nyatakan siapa yang akan jadi Perdana Menteri, kini sudah masuk pula Muhyiddin yang dikatakan menjadi presiden parti baharu. Siapa yang akan jadi ketua dan menjadi calon Perdana Menteri jika pembangkang memerintah sebenarnya?"

"Perkara begini mengelirukan rakyat tetapi mereka, sanggup melakukan apa saja demi kepentingan politik. Mereka baru tiga atau empat parti tetapi sudah gaduh, kami di Barisan Nasional (BN) mempunyai 14 parti dan pemimpinnya hanya satu iaitu Datuk Seri Najib Tun Razak," katanya selepas merasmikan Persidangan Perwakilan Pergerakan Wanita UMNO Bahagian Sik, Kedah, di Dewan al-Hanna di sini hari ini.

Di **KOTA BHARU**, seorang lagi Ahli Majlis Tertinggi UMNO, **Datuk Seri Hamzah Zainuddin** menyifatkan tindakan Muhyiddin menubuhkan parti baharu dan seterusnya bersekongkol dengan pembangkang jelas membuktikan bahawa bekas Timbalan Perdana Menteri itu adalah seorang pemimpin hipokrit.

"Dahulu semasa menjadi pemimpin UMNO bermatianmatian mempertahankan parti dan bercakap tidak akan meninggalkan UMNO. Hari ini, mereka mahu menubuhkan

parti baharu. Tindakan itu, cukup hipokrit, dulu cakap lain sekarang cakap lain," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Persidangan Perwakilan Pergerakan Wanita, Pemuda dan Puteri UMNO Bahagian Pengkalan Chepa.

Bagi **Datuk Seri Mahdzir Khalid** pula, perbuatan Dr. Mahathir menubuhkan parti baharu menunjukkan bekas Perdana Menteri itu seolah-olah lupa terhadap kebimbangan yang pernah diluahkan beliau sendiri mengenai perpecahan dan masa depan orang Melayu di negara ini.

Beliau yang juga Ahli Majlis Tertinggi UMNO bagaimanapun berkata, dalam sebuah negara demokrasi seperti Malaysia, rakyatnya termasuk Dr. Mahathir mempunyai hak untuk menubuhkan parti politik dan tidak ada yang dapat menghalang proses itu.

"Bagaimanapun, saya ingin meminjam kata-kata Dr. Mahathir semasa beliau menjadi Perdana Menteri iaitu sekiranya semakin banyak parti Melayu maka semakin kecil jumlah orang Melayu dalam parti itu. Kata-kata itu menunjukkan beliau tidak menggalakkan orang Melayu berpecah kepada banyak parti, tetapi tengoklah apa jadi hari ini," katanya selepas majlis perasmian serentak Persidangan Perwakilan Pergerakan Wanita, Pemuda dan Puteri UMNO Bahagian Kubang Kerian.

Di **MELAKA**, Pengerusi Badan Perhubungan UMNO negeri, **Datuk Seri Idris Haron** berkata, pemantauan terperinci akan dibuat di setiap cawangan bagi mengesan mana-mana ahli yang bertindak keluar parti tetapi menegaskan ketika ini, belum ada laporan mengenai perkara itu.

Katanya, UMNO merupakan parti yang tidak pernah ketandusan pemimpin pelapis berwibawa serta berkebolehan di peringkat akar umbi dan jika terdapat kes ahli keluar parti, barisan kepeimpinan akan diganti dengan segera.